

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
(JERANTUT)**

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS (JERANTUT) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ke atas guru-guru yang enggan divaksin boleh dicabar di mahkamah dan apakah perancangan Kementerian untuk untuk memperhalusi perkara ini supaya tidak timbul isu lain serta apa perancangan Kementerian berkenaan isu yang sama di sekolah swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan persekitaran sekolah yang selamat bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Dalam hal ini, KPM sentiasa memantau rapi status vaksinasi warga sekolah termasuk guru, anggota kumpulan pelaksana dan pekerja sokongan sekolah.

Guru adalah penjawat awam yang tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Oleh itu, KPM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 yang disediakan oleh JPA. Selaras dengan pekeliling tersebut, KPM akan memastikan guru yang enggan divaksin perlu melengkapkan vaksinasi kecuali mereka yang mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar. Sekiranya guru tersebut masih gagal mematuhi arahan ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Pada masa yang sama, KPM secara berterusan mengadakan konsultasi untuk memastikan semua guru menerima vaksin. KPM turut melaksanakan pelbagai program kesedaran vaksinasi melalui sesi libat urus, serta pendekatan secara berhemah seperti pujukan oleh bahagian, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah. Guru yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan perlu mengemukakan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan kepada Ketua Jabatan masing-masing.

Bagi guru yang berkhidmat di institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM, mereka perlu mematuhi garis panduan berkaitan vaksinasi yang ditetapkan oleh KPM dalam Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0. Walau bagaimanapun, tindakan ke atas guru di institusi berkenaan yang enggan divaksin tertakluk kepada keputusan pentadbiran institusi masing-masing.